



Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM

SERDANG, 31 Disember – Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin melantik Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk tempoh selama tiga tahun berkuatkuasa 1 Januari 2011.

Beliau, 47, menggantikan Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh yang tamat tempoh perlantikannya sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) pada 31 Disember tahun lalu, mempunyai kelulusan Bachelour Sains (Kepujian) dari Michigan State University USA, Master Sains dari Michigan Ann Arbor USA serta PhD dari University of Sheffield United Kingdom.

Prof. Dr. Mohd Saleh, anak kelahiran Melaka telah berkhidmat di UPM lebih 20 tahun sejak 1988 dengan memulakan karier sebagai pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam dan dilantik sebagai Profesor Madya pada 2001 dan kemudiannya Profesor pada 2009.

Beliau menjawat jawatan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam pada 1996 hingga 2006 sebelum dilantik menjadi Timbalan Dekan (akademik) dan kemudiaanya menjawat Jawatan Dekan Fakulti Kejuruteraan pada Oktober 2007.

Antara lapangan profesional yang diceburi ialah dilantik sebagai Fellow Member dari Institution of Engineers Malaysia (FIEM), Jurutera Profesional dari Lembaga Jurutera-Jurutera Malaysia (P.Eng), ahli Persatuan Jurutera-Jurutera Awam Amerika (MASCE), ahli Road Engineers Association of Australasia (MREAAA) dan ahli Malaysia Concrete Society (MCSM).

Portfolio yang akan dipegang oleh beliau adalah mengetuai dan bertanggungjawab dalam keseluruhan pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) serta menguruskan hal ehwal penyelidikan universiti sehinggalah kepada pengkomersilan hasil penyelidikan.

Ahli pengurusan UPM menyifatkan perlantikan Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh akan dapat memastikan UPM terus kekal sebagai Universiti Penyelidikan dengan memberikan sokongan sepenuhnya kepada aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan hasil penyelidikan.

Pengalaman Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh yang luas dalam bidang penyelidikan mampu mendukung matlamat kedua Pelan Strategik 2011-2013 UPM iaitu melonjak tahap pencapaian penyelidikan dan inovasi ke peringkat antarabangsa.

Berita disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia